

18 DEC 1998

DR MAHATHIR BERJUMPA DENGAN KETUA-KETUA PENEROKA

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua rancangan tanah Felda dari seluruh negara, hari ini.

Perjumpaan itu yang berlangsung di Dewan Merak Kayangan, Balai Felda, ibu pejabat Felda di sini dihadiri oleh kira-kira 1,500 ketua-ketua peneroka, termasuk penerokawati, dari seluruh negara.

Pada perjumpaan itu Perdana Menteri dijangka menyampaikan amanat penting kepada para peneroka berhubung usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Peranan yang dapat dimainkan oleh para peneroka dalam membantu pemulihan ekonomi negara juga akan diutarakan dalam pertemuan itu.

Ketua-ketua peneroka itu diharap akan menyampaikan pesanan Perdana Menteri kepada para peneroka di rancangan tanah masing-masing.

-- BERNAMA

HS PR